



Prakata daripada penulis.

Salam Sejahtera kepada semua pembaca e-buku 'Panduan membuka akaun bank US'.

Didalam buku ini saya akan menerangkan secara ringkas cara-cara bagaimana hendak membuka akaun bank US bagi rakyat Malaysia.

Jika anda ada membaca [Blog](#) saya, tentu anda sudah tahu kenapa saya menulis e-buku ini. Sebenarnya sudah ada sumber-sumber percuma lain yang menerangkan kaedah yang lebih kurang sama, tetapi saya masih menerima banyak email bertanyakan cara bagaimana cara membuka akaun Bank US.

Memandangkan saya tidak lagi menawarkan khidmat bagi membuka akaun bank US maka saya mengambil keputusan menerbitkan satu e-buku yang menerangkan secara ringkas bagaimana untuk membuka akaun Bank US .

Didalam buku ini saya berkongsi pengalaman saya memohon dan menggunakan akaun bank US sejak tahun 2005.

Ya, saya menulis dan mengedarkan e-buku ini secara percuma dan anda juga boleh membuat perkara yang sama asalkan anda tidak mengubah isi kandungan e-buku ini. Penjualan e-buku ini adalah dilarang sama sekali begitu juga penerbitan semula sebahagian atau keseluruhan isi kandungan didalam e-book ini di tempat lain tanpa kebenaran dari pihak saya.

<u>Isi Kandungan</u>	Muka Surat
1.Pengenalan	3
2.Panduan mengisi borang permohonan	3-4
3.Respon dan Susulan dari pihak Bank	4-5
4.Antaramuka Perbankan Internet bank US	5-6
5.Intergrasi Bank US dengan akaun Paypal.	6-8
6.Perkhidmatan Wire Transfer.	8
7.Memohon Visa Debitcard Bank US.	8-9
8.Pengeluaran Melalui Debit Card.	9
9.Deposit Slip untuk Cek Google AdSense.	10-11
10.Bantuan servis dan sokongan pemegang akaun Bank US.	11
11.Penutup dan kata-kata akhir dari penulis.	11-12

1. Pengenalan kepada Bank US.

Tentu anda tertanya-tanya bank mana yang saya maksudkan selama ini. Jawapan kepada persoalan ini ialah E*Trade Securities Bank dan jenis akaun pula ialah 'electronic checking account'.



Akaun ini adalah akaun yang sesuai untuk rakyat Malaysia dimana jika anda menggunakannya dengan betul anda akan mendapat manfaat yang banyak daripadanya.

Beberapa manfaat yang boleh kita perolehi apabila memiliki bank US ini ialah :-

- Membulehkan kita mengeluarkan duit dari Paypal
- Tunai cek dari institusi kewangan di US dengan jangka masa lebih singkat. contoh cek dari Google Adsense.
- Perkhidmatan Perbankan Internet membulehkan kita melakukan ACH transfer antara institusi kewangan US dengan pantas.
- DebitCard Visa percuma membulehkan kita mengeluarkan duit dengan pantas melalui mana-mana ATM yang menyokong pengeluaran melalui Visa.

Apakah syarat dan keperluan yang diperlukan ada bagi melayakkan kita memohon akaun bank US ini?

Apa yang anda perlukan hanyalah mengisi borang permohonan dan sediakan satu salinan kad pengenalan ataupun lesen memandu, itu sahaja. Tiada deposit pendahuluan diperlukan untuk membuka akaun bank ini.

2. Panduan Mengisi Borang Permohonan.

Dimana anda boleh dapatkan borang permohonan akaun bank US ini?

Anda boleh memuaturn dari website rasmi E*Trade di www.ETrade.com ataupun anda boleh dapatkannya diruang download di website www.onlinebisnes.com. Anda dikehendaki mendaftar dahulu sebelum boleh memuaturn fail di website [onlinebisnes.com](http://www.onlinebisnes.com).

Mengisi borang adalah mudah. Jika anda muaturn borang US bank dari [onlinebisnes.com](http://www.onlinebisnes.com), anda akan diberi sekali satu salinan borang permohonan yang telah di isi sebagai contoh. Apa yang anda perlu buat ialah menukar butir-butir seperti didalam contoh mengikut butir sebenar diri anda.

Anda di ingatkan menggunakan nama dan alamat sebenar ini kerana maklumat butir akaun anda akan dihantar mengikut alamat yang tertera didalam email.

Setelah lengkap mengisi borang permohonan (tiga muka), anda dikehendaki mengepilkkan satu salinan kad pengenalan dan satu lagi borang tambahan iaitu borang pengecualian cukai, W8BEN.

Akhir sekali anda dikehendaki menghantar semua borang bersama ke alamat yang diberi dibawah :-

E*TRADE SECURITIES LLC
P.O.BOX 1542 MERRIFIELD,
VA 22116 - 1542,USA.

Tetapi dari maklumat yang terbaru saya terima dari salah seorang pelanggan saya,Ibu pejabat di US sudah tidak menerima permohonan dari luar.Mereka sarankan supaya warga Malaysia menghantar permohonan dicawangannya di HongKong.

Alamat Bank US cawangan HongKong :-

E*TRADE Securities (Hong Kong) Limited
Suite 2401-12, Two Pacific Place,
88 Queensway, Admiralty, Hong Kong.

Menghantar menggunakan pos biasa (air mail) mengambil masa dua ke empat minggu.Kos penghantaran termasuk setem tidak sampai Rm5 jika anda menggunakan pos biasa.

3.Respon dan Susulan dari pihak Bank US.

Pihak bank akan menghantar email pertama sebagai memberitahu yang borang permohonan bagi membuka akaun bank US telah diterima dan mereka akan beritahu tempoh proses mengambil masa dalam dua ke empat minggu ataupun lebih.Proses ini bergantung sepenuhnya kepada seberapa cepat pihak bank memproses data-data bagi membuat satu akaun bank untuk kita.

Setelah akaun kita siap,pihak bank akan sekali lagi menghantar email yang menyatakan mereka telah selesai membuat satu akaun bank untuk kita dan mereka telah menghantar satu 'akaun kit' yang mempunyai butir-butir akaun,perjanjian pemegang akaun,serta login ID dan katalaluan bagi membolehkan kita menggunakan perkhidmatan perbankan internet mereka.

4. Antaramuka Perbankan Internet Bank US

Di peringkat ini kita sudah boleh menggunakan perkhidmatan perbankan internet yang disediakan menggunakan login ID dan kata laluan yang diberi. Anda boleh mengakses perbankan internet di laman web ini : www.ETrade.com

Masukkan user ID dan password diruang “secure login”.

No.1 menunjukkan dimana terletaknya butang “help center” dimana membawa kita ke halaman bantuan atau sokongan yang membulehkan kita mendapatkan segala maklumat berkenaan akaun Bank US. Di halaman itu juga terdapat fungsi “secure email”

Yang membulehkan kita berinteraksi dengan sokongan pelanggan melalui email.

No.2 menunjukkan satu kotak peringatan yang memberi tahu kita sekiranya ada email atau sebarang maklumat baru berkaitan dengan akaun bank kita.

No.3 pula menunjukkan jumlah wang yang terdapat didalam akaun dah boleh dibawa keluar.

No 4 (Net Assets) menunjukkan jumlah wang apungan didalam akaun kita. Contoh saya masukkan cek Google, jumlah yang tertera didalam cek akan duduk di dalam “Net Assets” sehingga mereka habis proses (makan masa 3 hari bekerja). Walaupun kita tidak boleh mengeluarkan wang dari jumlah ‘net assets’ tetapi kita boleh gunakan jumlah ini untuk pelaburan/investment melalui saluran yang disediakan oleh E*trade bank.

No.5 My info pula ialah halaman dimana butir-butir peribadi boleh diperolehi. Jika anda ingin menukar akaun ID dan katalaluan boleh melakukannya disini.

No.6 Transfer Money membolehkan kita memindahkan wang antara akaun bank E*trade mahupun Bank lain yang telah didaftarkan terlebih dahulu.

No.7 Account Records membolehkan kita melihat semula transaksi lepas, ini termasuk penyata bank/“internet bank statement” yang boleh didapati disini.

No.8 ialah halaman semua jenis borang, daripada borang permohonan hinggalah borang keluar masuk akaun.

5. Intergrasi Bank US dengan akaun Paypal.

Langkah seterusnya ialah cara bagaimana hendak intergrasi akaun bank US kita dengan akaun Paypal.

Anda masih belum mempunyai Paypal?

Jika belum anda boleh daftar Paypal dengan klik URL ini:

<https://www.Paypal.com/row/mrb/pal=ZXWNDVPLDYMNN>

Ataupun klik pada butang dibawah ini :-



Syarat dan kelayakan memiliki akaun Paypal:

Alamat tempat tinggal anda perlu lah tersenarai dalam Negara-negara yang di bulehdikan untuk membuka akaun Paypal.

Proses verifikasi atau pengesahan memerlukan anda menyatakan butir-butir kad kredit/debit visa/mastercard anda.

Untuk masuk kebahagian penambahan kad kredit masuk ke bahagian ‘Profile’> dan pilih ‘Credit Card’s pada bahagian ‘Financial Information’.Klik butang Add untuk memasukkan butir kad kredit baru.

Select	Credit Card & Billing Address	Status
<input type="radio"/>	XXXX-XXXX-XXXX-XXXX Expires 3 / 2011 Billing address: [Redacted] Malaysia	Primary

Apabila anda pertama kali memasukkan butir-butir kad kredit, Paypal akan menjalankan satu proses pengesahan atau verifikasi (Enrollment program) dengan meng-kredit sejumlah wang dari kad kredit kita. Wang ini bagaimanapun akan dipulangkan samada proses verifikasi ini berjaya atau tidak kelak.

Proses verifikasi ini memerlukan anda mendapatkan nombor rujukan transaksi "enrollment program" oleh Paypal. Jika anda boleh akses ke akaun kad debit atau kad kredit anda boleh lihat terus nombor rujukan verifikasi ini didalam penyata transaksi. Jikalau anda tiada akses maka anda hendaklah menghubungi pihak kad kredit bagi mendapatkan nombor berkenaan ataupun tunggu sehingga penyata bulanan keluar.

Anda perlu memasukkan nombor verifikasi "enrolment program" ini ke tempat yang disediakan.

Selesai proses enrollment, anda layak memberi atau menerima Paypal daripada sesiapa tanpa had.

Memasukkan butir-butir akaun Bank US kedalam Paypal:

Klik pada butang 'Profile' > dan pilih 'Bank Account's pada bahagian 'Financial Information'. Klik Pada butang 'Add'.

Select	Bank Account	Status
<input type="radio"/>	ETRADE SECURITIES LLC Checking Account XXXXXXXXXX	Primary Confirmed

Pihak Paypal akan menghantar sejumlah wang sebanyak dua kali ke dalam akaun Bank US sebagai salah satu proses verifikasi.

Biasanya ia mengambil masa satu ke tiga hari bekerja bagi wang tadi sampai ke akaun Bank US.

Apabila duit daripada Paypal itu tertera didalam akaun Bank US bank,kita akan nampak dua transaksi yang mempunyai nilai amaun yang berbeza.Contohnya satu transaksi Paypal mempunyai nilai 0.15cent dan satu lagi 0.09cent. Maka dua digit terakhir bagi kedua-dua nilai itu(15 dan 09) lah yang akan kita gunakan bagi melengkapkan proses pengesahan Bank US di Paypal.

Pergi semula kelaman Bank US Paypal,dan masukkan dua digit tadi (15 dan 09) kedalam ruang verifikasi.

Apabila proses itu diterima Paypal maka anda sudah boleh mengeluarkan duit dari Paypal ke akaun Bank US anda.

Sekarang anda sudah boleh mengeluarkan duit dari Paypal ke akaun Bank US tetapi bagaimana hendak mengeluarkan duit dari Bank US pula?

Ada beberapa kaedah bagi mendapatkan duit itu tetapi saya hanya menjelaskan dua kaedah sahaja.

Satu dengan menggunakan wiretransfer pindah duit dari Bank US ke Bank tempatan.Satu lagi cara ialah menggunakan ATM Visa DebitCard.

6.Perkhidmatan Wire Transfer.

Jika anda ingin menggunakan Wiretrasfer bagi memasukkan/deposit ataupun bawa keluar/’withdrawal’ duit akaun Bank US anda,anda boleh menggunakan maklumat bank E*Trade dibawah bagi urusan WireTransfer:-

Nama bank : E*TRADE SECURITIES BANK
ABA Routing no. : 0560735731
Account type : Checking Account
Bank Phone no. : 1-916-636-2510
Account no. : (8-digit nombor akaun E*trade anda)

Tempoh transaksi bergantung kepada pengurusan kedua-dua bank.Biasanya ia mengambil masa sehari ke 5 hari bekerja.

7.Memohon Visa Debitcard Bank US.

Memohon Visa debitcard US bank adalah mudah.Apa yang anda perlukan ialah memasukkan dahulu sejumlah wang kedalam akaun.Minimum USD \$10, lebih kurang RM35.

Kemudian anda boleh meminta pengeluaran visa debitcard samada melalui ‘secure email’ mahupun melalui borang permohonan kad visa dan buku cek yang diberi sekali semasa penghantaran kit US bank.

Apabila permohonan diterima mereka akan memberi tahu didalam “secure email” akaun bank US yang mereka telah menghantar dua bungkusan. Satu mengandungi kad debit visa dan satu lagi mempunyai pin kod.



Ini adalah contoh buku cek dan Visa Debitcard yang saya terima daripada Bank US.

8. Pengeluaran Melalui Debit Card.

Apabila anda telah menerima kedua-dua bungkusan itu, maka anda sudah boleh mengeluarkan wang dari akaun bank US dimana-mana mesin ATM yang menerima pengeluaran Visa.

Semasa urusan di ATM, pilih ‘akaun semasa’ dan bukan akaun kredit.

Bagi tahun pertama, tiada sebarang cas perkhidmatan dikenakan bagi pengeluaran melalui Debitcard. Malah jika mesin ATM tempatan mengenakan cas tambahan, nilai tadi akan dikembalikan ke dalam akaun US bank anda oleh E*trade. Ini adalah janji mereka.

Kepilkan bersama cek Google anda dan hantarkan ke alamat seperti yang tertera pada deposit slip :

E*TRADE CLEARING LLC
P.O. BOX 1542
Merrifield , VA 22116-1542
USA.

10. Bantuan servis dan sokongan pemegang akaun Bank US.

Sebarang pertanyaan mengenai akaun bank US boleh lah mengutarakan nya di blog atau laman web yang saya sediakan. Lihat alamat laman web dibahagian penutup.

Jika anda inginkan maklumat lebih terperinci anda boleh menggunakan saluran “secure email” yang disediakan oleh bank US.

Adalah tidak selamat jika anda menggunakan email lain dalam urusan dengan Bank US. Pihak bank US juga selalunya akan menggunakan “secure email” jika ada sebarang pemberitahuan.

Ini bagi mengelakkan kes-kes jenayah siber yang semakin berleluasa.

Anda boleh lihat contoh kes jenayah dengan topik “phishing email bank US” diblog saya disini: <http://onlienbisnes.com/malay/>

11. Penutup

Saya harap anda mendapat manfaat daripada e-buku yang saya buat ini.

Terpulang kepada anda sama ada hendak mengikut cara yang saya beri atau tidak. Satu yang perlu saya ingatkan ialah anda perlu terlebih dahulu membaca terma dan syarat yang diberi sebaik-baiknya sebelum membuat sebarang keputusan.

Mungkin ada perkara-perkara penting yang saya tertinggal maka jika anda setuju dengan terma dan syarat yang diberikan, anda sepatutnya sedar akan sebarang risiko yang akan anda tanggung.

Sebarang pertanyaan boleh tinggalkan komen di [Blog saya](#) atau pun boleh nyatakan diforum [OnlineBisnes](#).

Anda rasa e-buku panduan ini berguna?

Jika anda rasa panduan ini telah banyak memberi kemudahan dan kebaikan kepada anda dan anda ingin memberi sedikit sumbangan sebagai tanda terima kasih, anda boleh lah berbuat demikian dengan menghulurkan sumbangan ke dalam akaun Paypal saya :

onlinebisnes@gmail.com

Atau Klik butang Paypal di halaman 'sumbangan ikhlas' :-

<http://onlinebisnes.com/malay/sumbangan-ikhlas/>

Terima kasih.

Penafian:-

"Pihak khairulazmi.com tidak bertanggung jawab diatas kerosakan atau kerugian yang akan ditanggung oleh mana-mana pihak. Pihak kami hanya menulis e-buku panduan mengikut pengalaman kami dan kami tidak berjanji yang jika anda mengikuti panduan kami, anda akan mendapat hasil yang sama seperti kami.

Maka disini kami ingin mengingatkan pembaca sekali lagi agar faham akan risiko yang bakal anda tanggung jika ingin mengikuti panduan ini. Saya hanya menyampaikan selainnya adalah diatas tanggungjawab anda sendiri."

Akhir kata gunakan panduan didalam e-buku ini sebaik-baiknya. Selamat membaca dan semoga 'sukses' selalu.

Blogger,

Khairulazmi

<http://khairulazmi.com>

<http://onlinebisnes.com>

<http://contestandchallenge.com>